

Pemaknaan Semula Sinonim Leksikal “Nepotisme” Berteraskan Data Korpus: Analisis Pragmatik

Synonym Meaning-making of Lexical “Nepotism” Based on Corpus Data: Pragmatic Analysis

Nurul Aida Abdullah & Muhammad Zaid Daud

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

Submitted: 02/06/2020. Revised edition: 22/06/2020. Accepted: 22/06/2020. Published online: 30/06/2020

ABSTRACT

In the field of lexical semantics, synonym is one of the aspect that can classify some words that brings a same meaning. However, as a result of changing times and technology, some lexical generally has specific synonyms meaning-making as classified in lexicography also can have addition or abortion of the lexical equivalent. Therefore, this study, fully in qualitative form, was performed by applying text anylisis based on corpus data such as *Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka* and Facebook. This study has analyzed the meaning-making for the synonym of “nepotism” based on the corpus data. In lexicography terms, lexical “nepotism” has a synonym meaning with lexical “cronyism” as both of these lexicals refer “an act or policy that concern or exaggerate their own relatives and friends” and “a policy that puts priority or concern more to their closed friends in the inauguration of a ministry, giving a project and others.” This synonym meaning-making has been applied into an authoritative theory of Bridging Cross Reference (BCR) by Kempson (1986) and Relevance Theory (RT) by Sperber and Wilson (1986; 1995). This make the meaning-making for the synonym lexical can be answered with high reliability. In conclusion, the findings of this study shows lexical ‘kabel’ or ‘cable’ is an additional synonym lexical with lexical ‘nepotism’ and ‘cronyism.’

Keywords: Meaning-making of lexical, synonym, nepotism, relevance theory, bridging cross reference

ABSTRAK

Dalam bidang semantik leksikal, sinonim merupakan salah satu aspek yang dapat mengelaskan penggunaan sesuatu leksikal yang membawa makna yang sama. Namun begitu, akibat daripada perubahan zaman dan teknologi, sesuatu leksikal pada amnya mempunyai pemaknaan sinonim yang khusus seperti yang dikelaskan dalam perkamusan juga mampu mengalami pertambahan atau pengguguran padanan leksikal. Oleh itu, kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dengan mengaplikasikan analisis teks berteraskan data korpus seperti *Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka* serta *Facebook*. Kajian ini akan menganalisis pemaknaan semula bagi sinonim “nepotisme” berteraskan data korpus. Dari segi perkamusan leksikal “nepotisme” ini bersinonim dengan “kronisme” kerana leksikal ini merujuk kepada “perbuatan atau amalan yang mementingkan atau melebihkan sanak-saudara dan kawan-kawan sendiri sahaja” dan “amalan mengutamakan atau mementingkan teman rapat dalam pelantikan sesuatu jawatan, pemberian sesuatu projek dan sebagainya.” Pemaknaan semula sinonim ini telah diterapkan teori yang berwibawa iaitu Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986) dan Teori

*Correspondence to: Nurul Aida Abdullah (email: nrlaida8915@gmail.com)

Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986; 1995). Hal ini supaya pemaknaan bagi sinonim leksikal ini mampu dijawab dengan kesahan yang tinggi. Rumusannya, hasil kajian ini mendapati bahawa leksikal “kabel” atau “cable” merupakan pertambahan sinonim bagi leksikal “nepotisme” dan “kronisme” ini.

Kata Kunci: Pemaknaan semula leksikal, sinonim, nepotisme, teori relevans, rangka rujuk silang

PENGENALAN

Masyarakat di Malaysia berbilang bangsa, agama mahupun bahasa pertuturannya. Statistik daripada *Jabatan Perangkaan Malaysia* (2019), menunjukkan bahawa, pada tahun 2019 jumlah penduduk Malaysia adalah sebanyak 32.7 juta orang yang dibezakan peratusan warganegara (90.2%) dan bukan warganegara (9.8%). Melalui jumlah keseluruhan warganegara ini, 68.88% merupakan kaum Bumiputera iaitu Bumiputera Melayu (58.7%) dan Bumiputera Lain (4.13%) yang terdiri daripada Orang Asli, Siam, Serani dan minoriti bumiputera yang lain di Semenanjung Malaysia. Manakala, Bumiputera Sabah dan Sarawak pula sebayak 64.4%. Bagi masyarakat atau kaum Cina, kira-kira 25.56% daripada penduduk Malaysia (termasuklah Foochow, Hainan, Henghua, Hokkien, Kantonis, Hakka, Teochew dan lain-lain). Masyarakat orang India Malaysia pula mencatatkan sebanyak 6.73% daripada penduduk di Malaysia. Kaum-kaum lain adalah seperti orang yang berketurunan Bangsa Asia/Dunia lain sebanyak 0.9%. Namun begitu, titik persamaan kesemua masyarakat di Malaysia ialah Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan/rasmi negara di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

“Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dimantapkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Kepentingannya sebagai bahasa ilmu yang menjadi medium pengajaran dan pembelajaran telah membawa kepada pewartaan Akta Pendidikan 1961 (Pindaan 1996). Namun pada masa yang sama, masyarakat pelbagai kaum di Malaysia bebas menggunakan bahasa lain seperti bahasa Mandarin oleh orang Cina dan bahasa Tamil oleh orang India. Selain itu bahasa Inggeris masih mendominasi bahasa perdagangan dan perindustrian negara. Kerajaan Malaysia juga menggalakkan rakyatnya menguasai bahasa-bahasa antarabangsa yang lain khususnya untuk bidang pelancongan dan perdagangan antarabangsa.”

(Sumber: *Jabatan Penerangan Malaysia*, 2017)

Oleh sebab Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan, bahasa ini telah diajar di peringkat sekolah dan pengajian tinggi. Maka, lahirilah ramai sarjana bidang bahasa dan linguistik di Malaysia seperti Asmah Haji Omar, Awang Sarian, Nik Safiah Karim, Nor Hashimah Jalaluddin dan ramai lagi. Dengan lahirnya sarjana dalam bidang bahasa dan linguistik di Malaysia maka, makin berkembanglah bidang-bidang pengkajian bahasa dan linguistik seperti morfologi, fonetik, fonologi, sintaksis, semantik, pragmatik, psikolinguistik, sosiolinguistik, leksikografi dan sebagainya.

Jadi, tugas *linguist* adalah untuk meneroka variasi bahasa yang terdapat dalam konteks negara kita. Salah satu penerokaan bahasa yang menarik untuk dikaji adalah pemaknaan semula sesuatu leksikal atau frasa. Hal ini dikatakan demikian kerana akibat perubahan zaman dan teknologi semasa boleh berlakunya perubahan makna sama ada makna itu disempitkan mahupun,

makna itu diluaskan. Merujuk Tarigan (2009), perluasan makna adalah satu proses perubahan makna kata dari makna yang lebih khusus kepada makna yang lebih umum atau dari makna yang lebih sempit kepada makna yang lebih luas. Perluasan makna juga dikenali sebagai generalisasi. Contoh perluasan makna bagi leksikal “saudara.” Leksikal ini pada dahulunya dirujuk sebagai adik-beradik kandung. Namun begitu, melihat semula pemaknaan leksikal “saudara” ini dalam konteks kini menampakkan bahawa leksikal ini mengalami perluasan makna. Contohnya, sesiapa sahaja yang mempunyai asal usul atau pertalian darah mahupun agama seperti “saudara sesama Islam” dan sebagainya. Variasi pemaknaan semula leksikal “saudara” turut diperluaskan bagi membezakan jantina seseorang seperti “saudara” merujuk kepada lelaki dan “saudari” merujuk kepada perempuan.

Penyempitan makna pula, merujuk kepada makna sesuatu leksikal yang menjadi lebih khusus dan terbatas. Antara penyempitan makna yang berlaku dalam kalangan penutur di Malaysia adalah, leksikal “dai” yang merupakan kata pinjaman dalam bahasa Arab. Leksikal ini pada mulanya membawa maksud menjemput orang berdoa atau, orang yang menyebarkan dakwah. Tetapi, dalam konteks di Malaysia leksikal “dai” ini disempitkan bagi merujuk kepada orang yang menyebarkan dakwah sahaja. Perkara ini berikutan daripada perubahan zaman dan teknologi khususnya. Hal ini dikatakan demikian kerana minda rakyat Malaysia sudah dikhususkan kepada program *D’ai Pendakwah Nusantara* di saluran TV3 contohnya. Oleh itu, masyarakat Malaysia akan mengesetkan dalam pemikiran mereka leksikal “dai” hanya merujuk kepada orang yang menyebarkan dakwah sahaja. Perkara ini dapat dirujuksilangkan dengan anteseden tambahan ‘Pendakwah’ sebagai tugas penyempitan makna bagi leksikal “dai” ini.

Bagi kajian ini pula, pengkaji akan meneroka pemaknaan semula sinonim leksikal “Nepotisme” dalam kalangan penutur di Malaysia. Sinonim menurut Grady (2000) ialah satu perkataan yang berlainan bentuk ejaan atau bunyi tetapi mempunyai makna yang sama atau hampir sama. Definisi sinonim ini tidak semestinya mempunyai persamaan seratus peratus seperti yang di anggap oleh masyarakat kerana menurut Abdullah (2006), tiada perkataan yang hanya mempunyai satu makna sahaja. Jadi, kajian ini berpendapat berlakunya perluasan makna bagi variasi pemaknaan leksikal ‘nepotisme’ ini. Oleh itu, perkara ini sangat menarik untuk dikupas dengan lebih mendalam lagi menggunakan pendekatan linguistik khususnya, semantik dan pragmatik.

SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai pemaknaan semula leksikal telah banyak dijalankan oleh pengkaji yang lepas sama ada di Malaysia mahupun, luar Malaysia. Antara pengkaji tersebut ialah Saad, Jalaluddin dan Ahmad (2015), Aboh (2015), Jamaludin (2016), Subet dan Daud (2016; 2017; 2018), Lues, Ludigdo, dan Ari (2018), Sholihah (2019) serta Azmi, Hassan, Fakhruddin, dan Nasir (2019).

Dalam bidang linguistik, pemaknaan leksikal ini dapat dilihat dalam kajian semantik seperti kajian Subet dan Daud (2017; 2018). Kajian ini telah melihat pemaknaan semula leksikal dan frasa dalam kalangan komuniti pelacur dari sudut makna denotatif dan makna konotatif. Kajian ini menemukan 16 leksikal/frasa dalam komuniti pelacur yang boleh melibatkan pemaknaan semula leksikal/frasa tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana leksikal ini mengalami perubahan makna

jika dirujuk daripada makna harfiah atau makna denotatifnya sehingga menyebabkan leksikal/frasa ini mengalami perubahan makna secara konotatif jika dikemukakan secara tersirat dalam sesebuah ujaran. Antara contoh leksikal yang merujuk kepada pemaknaan semula adalah leksikal “pacat.” Secara denotatifnya, leksikal “pacat” merujuk kepada sejenis binatang yang menghisap darah atau nama saintifiknya ialah *Haemadipsa javanica* (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Namun begitu, dalam konteks pelacuran, pemaknaan leksikal “pacat” ini bersifat konotatif negatif. Kajian ini menerangkan bahawa leksikal “pacat” ini merujuk kepada alat sulit lelaki. Perkara ini dapat dilihat melalui ujaran seperti ini; “Pacat abang boleh tahan ya!” dan “Pacat abang dah kembang tu.” Pemaknaan semula leksikal “pacat” dalam kalangan pelacur telah diasosiasikan dengan keadaan *pacat* yang boleh mengembang jika menghisap darah dengan banyak. Samalah juga dengan alat kemaluan lelaki, jika terangsang dan telah mencapai tahap ereksi ia akan berkembang. Jika dilihat dalam konteks penulisan novel di negara Nigeria pula kajian Aboh (2015) berpendapat bahawa pemaknaan semula leksikal “gun” telah digunakan sebagai eufemisme dalam kalangan penulis bagi merujuk alat sulit lelaki.

Dari sudut morfologi pula, pemaknaan leksikal juga berubah dari segi ejaan “gila” kepada “gile” dan “giler.” Kajian ini telah melihat konteks pertuturan lisan mahupun, bukan lisan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kajian ini telah dijalankan oleh Subet dan Daud (2016). Leksikal “gila” secara harfiahnya membawa maksud menanggung akibat sakit fikiran; tidak sihat fikiran; sakit otak (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Ini adalah makna perkamusannya. Satu dapatan baharu yang dijumpai oleh Subet dan Daud (2016) dari segi pemaknaan semula leksikal ini dapat dilihat dalam bidang morfologi. Menurut Karim *et al.* (2004), morfologi merupakan bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Struktur kata dimaksudkan sebagai susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang yang turut menjadi unit bahasa yang bermakna. Hal ini kerana setiap perkara yang ditulis mengandungi makna. Kajian ini menemukan bahawa leksikal “gila” mengalami perubahan ejaan kepada “giler” atau “gile” yang mampu berfungsi sebagai slanga kata penguat dalam komunikasi lisan dan bukan lisan masyarakat di Malaysia. Secara umumnya, kata penguat dalam bahasa Melayu seperti *terlalu*, *paling*, *agak* (kata penguat hadapan), *sekali*, *benar*, *nian*, *betul* (kata penguat belakang) dan *amat*, *sungguh*, *sangat* (kata penguat bebas). Bagi kajian ini, pemaknaan semula leksikal “giler” dan “gile” ini mampu berfungsi seperti kata penguat bebas dalam bahasa Melayu. Contohnya, “Pulau Harimau, Mersing giler cantik!!!!” dan “Penghantaran makanan dekat hotel tu lambat giler.” Jika dilihat daripada contoh ayat tersebut, kajian ini berpendapat kata adjektif seperti “cantik” dan “lambat” dalam bahasa Melayu mampu berkolokasi dengan slanga kata penguat “giler.” Perkara ini telah membuktikan bahawa pemaknaan semula leksikal “gila” ini dapat diperluas bukan sahaja secara maknanya tetapi, fungsinya sebagai kata penguat bebas yang sering digunakan dalam komunikasi lisan mahupun, bukan lisan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Selain itu, dari sudut pemaknaan naratif pengalaman dalam novel melalui teori Metafungsi Ideasional oleh Halliday (1994) pula telah dikaji oleh Azmi, Hassan, Fakhruddin dan Nasir (2019). Kajian ini adalah bersifat kualitatif sepenuhnya berasaskan analisis teks/dokumen. Oleh itu, dapatan data diperoleh daripada penulisan carpen Zurinah Hassan iaitu, ‘Catatan di Meja Makan’, ‘Anita’ dan ‘Meneruskan Perjalanannya.’ Berdasarkan dapatan data ini jenis proses lakuan (entiti hidup dan entiti bukan hidup) merupakan paling tertinggi. Contoh dapatan data bagi proses lakuan yang terdapat dalam cerpen tersebut adalah, “|Lalu dalam kegembaraan| aku (Pameran: Pelaku)| akan mencium

(Proses: Lakuan) | pipinya (Pameran: Matlamat)|.” Oleh itu, kajian ini berpendapat pemaknaan naratif pengalaman ini mengilustrasikan perkara yang terjadi dan siapa yang melakukannya agar pembaca dapat menggambarkan kejadian dalam sesuatu naratif. Manakala kajian mengenai sinonim turut disentuh oleh pengkaji lepas iaitu kajian yang dijalankan oleh Salleh, Yahya, Subet, dan Daud (2020), Zulfadinamis dan Salleh (2015), Rahman dan Nasir (2014) serta Utami (2010). Kajian daripada Salleh, Yahya, Subet, dan Daud (2020) telah menemukan terdapat 7 golongan perkataan yang bersinonim dalam novel Sangkar yang dikaji. Antara kelompok leksikal yang bersinonim antara satu sama lain ialah leksikal tenang-damai-harmoni-hening, cantik-lawa, sendu-sebak-duka-sedih-pilu, sepi-sunyi, pulang-balik, degil-keras kepala-keras hati, dan ceria-riang. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa leksikal yang bersinonim ini membawa makna atau erti kata yang sama. Namun begitu, kajian ini hanya menemukan sinonim bagi setiap leksikal yang terdapat dalam *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* sahaja. Berbeza pula dengan kajian ini, pengkaji akan meneliti makna sinonim yang terdapat dalam perkamusan serta data primer di media sosial contohnya, *Facebook*.

Kesimpulannya, berdasarkan sorotan kajian lepas telah membantu pengkaji melihat kepelbagaian sumber data kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas sama ada dijalankan dalam negara mahupun, luar negara. Melalui pembacaan autentik, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat pelbagai variasi pemaknaan leksikal yang seharusnya diteliti oleh pengkaji bahasa dan linguistik semasa. Bagi kajian ini, pengkaji akan meneroka variasi pemaknaan semula sinonim leksikal “Nepotisme” yang berlaku dalam kalangan penutur berpandukan data korpus.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya melalui analisis dokumen/teks. Data diperoleh daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (PDK-DBP). PDK-DBP ini begitu kaya dengan data korpus bahasa Melayu yang disimpan dalam tong korpus bagi memudahkan pengkaji bahasa dan linguistik memperoleh data yang autentik atau data daripada sumber yang sebenar. Contohnya, akhbar, buku, majalah, efemeral, teks sastera, kertas kerja dan perbahanan. PDK-DBP dapat dicapai melalui laman sesawang (<http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/SelectUserCat.aspx>). Pengkaji hanya perlu mendaftar sebagai penyelidik sahaja bagi mendapatkan bekalan data korpus DBP ini.

Kajian ini berbentuk persampelan bertujuan kerana pengkaji hanya akan memfokuskan data yang memenuhi objektif kajian iaitu leksikal “nepotisme”. Walau bagaimanapun, berdasarkan leksikal “nepotisme” ini, pengkaji menemui sinonim bagi leksikal ini iaitu, “kronisme”, “cable” dan “kabel.” Oleh itu, setiap leksikal ini akan dilihat pemaknaannya sama ada leksikal-leksikal tersebut memberi permaknaan positif atau negatif terhadap leksikal “nepotisme” ini. Setiap penggunaan leksikal ini dipertalikan dengan penutur bukan lisan masyarakat di Malaysia kerana dapatan data ini diperoleh daripada akhbar, buku, majalah, efemeral, teks sastera, kertas kerja dan perbahanan. Oleh itu, bagi memperluas penggunaan konteks leksikal-leksikal ini pengkaji turut menggunakan contoh data daripada komunikasi lisan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dapatan data ini, diperoleh daripada media sosial iaitu *Facebook*. Justifikasi pemilihan data daripada media sosial *Facebook*

adalah kerana penggunaan bahasa penutur di dalam media sosial tersebut boleh terdiri daripada secara lisan mahupun bukan lisan yang tidak terikat dengan unsur formaliti. Merujuk kepada Berelson dan Steiner (1964), formaliti merupakan ciri organisasi sosial yang merujuk kepada adanya perumusan tertulis daripada peraturan-peraturan, ketetapan-ketetapan, prosedur, kebijaksanaan, tujuan, strategi dan sebagainya. Berbeza dengan data korpus DBP, data tersebut lebih terikat dengan unsur formaliti dan hal ini menyebabkan terdapat makna leksikal yang tidak mengalami perubahan berbanding dengan makna di media sosial (*Facebook*) yang tidak melibatkan unsur formaliti. Oleh sebab itu, pengumpulan data daripada media sosial amat sesuai digunakan bagi mendapatkan leksikal yang bersinonim dengan leksikal nepotisme.

Sebagai pendekatan kajian ini, pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986) dan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986; 1995). Pendekatan ini terus mendapat sambutan daripada pengkaji terkini contohnya, Seruddin (2018), Daud (2018a; 2018b; 2018c; 2020), Subet dan Nasir (2019), Daud dan Subet (2019a; 2019b; 2019c; 2019d), Murthy, Subet dan Daud (2019a; 2019b; 2019c), Ritos dan Daud (2020) serta Samaon dan Subet (2020). Menurut Jalaluddin dan Syah (2009), RRS dapat mengizinkan penggantung konteks daripada anteseden yang wujud dalam sesebuah ujaran. Anteseden yang dimaksudkan ini ialah maklumat tambahan yang diperlukan tetapi, tidak wujud langsung, sama ada daripada kandungan eksplisit mahupun gambaran visualnya. Menurut mereka lagi, maklumat awal mengenai apa-apa yang diperkatakan adakalanya tidak menginterpretasikan makna yang hendak disampaikan.

Manakala, Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986; 1995) telah menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Setiap satu gagasan ini mencerminkan aspek-aspek tertentu dalam pemaknaan sesuatu leksikal/frasa. Konteks akan wujud jika berlakunya sebarang andaian tentang alam sekeliling pendengar/pembaca. Konteks dapat wujud daripada pelbagai cara contohnya kehidupan seharian, kenangan manis, lucu atau pahit, hipotesis saintifik, andaian tentang kepercayaan, budaya serta agama penutur. Manakala, kesan kognitif pula merupakan andaian awal yang ada dalam minda pendengar mengenai maklumat yang relevan dalam diri pendengar. Gagasan terakhir adalah usaha memproses yang merupakan usaha yang penting dalam menginterpretasikan makna ujaran. Menurut Jalaluddin (2003), usaha memproses ini merujuk kepada usaha memproses maklumat oleh pendengar. Bagi penutur pula, usaha memproses juga penting untuk memastikan yang ujarannya boleh difahami dengan mudah oleh pendengar. Beliau menegaskan bahawa mengikut TR, semakin rendah usaha memproses maklumat, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran.

Oleh itu, pengkaji telah menerapkan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) dan dikemas kinikan (1995) serta Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986). Penerapan teori yang mampan seperti TR dan RRS diperlukan supaya huraian data disokong dan mampu membentuk aturan konsepsi dan membekalkan kemudahan bagi menjelaskan fenomena yang kompleks dalam berbahasa. Dengan adanya maklumat-maklumat sebegini mampu memberikan kesan kognitif yang tinggi dan usaha memproses yang rendah kepada pembaca/pendengar dalam menginterpretasikan makna “nepotisme”, “kronisme”, “cable” dan “kabel.”

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerapkan data kajian seperti “nepotisme”, “kronisme”, “cable” dan “kabel” dibantu dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986) dan Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986; 1995) supaya pemaknaan bagi variasi leksikal “nepotisme” mampu dijawab dengan kesahan yang tinggi.

Analisis Leksikal “Nepotisme”

Pemaknaan leksikal “nepotisme” secara harfiahnya adalah perbuatan atau amalan yang mementingkan atau melebihkan sanak-saudara dan kawan-kawan sendiri sahaja (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Berikut merupakan contoh penggunaan leksikal “nepotisme” dalam kalangan penutur di Malaysia yang berpandukan data korpus DBP.

Jadual 1 Contoh ayat bagi leksikal “nepotism”

Bil.	Contoh ayat	Sumber
1.	"Malah ***nepotisme*** tiba-tiba <u>menjadi isu besar</u> siap dengan teori konspirasinya serta telahan mengenai siapa di belakang Zahid atau siapa yang menjadi sasaran Zahid. Perwakilan Umno. datang kali ini dengan pelbagai tafsiran apakah sebenarnya motif Zahid. Malah Zahid dituduh <u>tidak wajar, berbahaya, ada udang di sebalik batu, bermotif tertentu, didalangi dan berkemungkinan akan memecah-belah Umno.</u> "	Dinsman. <i>Gawat Galahnya Formula Mahathir</i> . Ekonomi, 1998
2.	Sebuah Mercedes Benz limosin menunggunya bersama anak perempuan sulungnya, Siti Hardiyanti Rukmana. Beliau juga berkhidmat sebagai menteri Kabinet dalam kerajaan yang dibubarkan dan kini menjadi <u>simbol korupsi</u> dan ***nepotisme*** yang <u>menimbulkan kemarahan rakyat</u> .	<i>Pak Harto terharu</i> . Mutakhir, 1998
3.	Beliau bukan saja <u>akan mengambil alih kerusi bapanya di Parlimen</u> tetapi juga mewarisi satu <u>amalan biasa dalam politik Jepun</u> iaitu ***nepotisme***.	<i>Politik Jepun penuh dengan nepotisme</i> . Rencana, 2000
4.	"Rakyat di rantau ini <u>tiada lagi bertolak ansur cara lama</u> . Mereka menolak amalan rasuah, ***nepotisme*** dan suku-sakat."	<i>Industri minyak Asia cerah</i> . Ekonomi, 1998
5.	Kita sudah mempunyai enam Sasterawan Negara, namun tidak ada seorang pun di kalangan wanita. Apakah ini menggambarkan penulis wanita tidak layak atau ada unsur ***nepotisme*** kejantinaan?	Imlam Adabi. <i>Satu tahun satu novel</i> . Sastera dan Budaya, 2003
6.	Diktator, autokrat atau kuku besi, mengamalkan ***nepotisme*** yang mendahulukan keluarga dan sanak saudara, mengutamakan kemewahan diri dan menindas penentangannya adalah antara gelaran diberi kepada kedua-dua pemimpin itu.	Raihanah Abdullah; Nurul Adlina Kamaludin. <i>Baik buruk kuasa rakyat</i> . Nasional, 1999
7.	Jiang nyata kecewa dengan ***nepotisme*** 'feudal' dan pecah amanah yang 'menghitamkan hati' pegawai parti serta memarahi pegawai kerajaan kerana menyalahgunakan kuasa mereka demi wang dan seks.	<i>Jiang kecam rasuah, tolak demokrasi Barat</i> . Global, 2000
8.	Akbar dalam kenyataan akhbaranya sejour kemenanganya itu berjanji akan "membersihkan" Golkar dari ***nepotisme*** dan langkah awal yang bakal diambalnya adalah menyingkirkan ahli-ahli keluarga Suharto termasuk Siti Hardiyanti. Selain itu, kedudukan Suharto selaku Ketua Dewan Pembina Golkar akan turut dicabut selaras dengan keputusan parti itu untuk menghapuskan Dewan Pembina, Dewan Penasihat dan Dewan Pertimbangan. Banyak pemerhati politik yang menganggap keputusan Golkar menghapuskan tiga buah dewan penasihatnya itu sebagai langkah mempersiapkan Akbar untuk jawatan Presiden menggantikan BJ Habibie.	<i>Daripada: Marzuki Yusof. Pelantikan Akbar tamparan kepada Suharto</i> . Rencana, 1998

(Sumber: PDK-DBP, <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/SelectUserCat.aspx>)

Analisis diteruskan lagi dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) dan Teori Relevans (TR) berpandukan contoh ayat yang terdapat dalam Jadual 1.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Analisis diteruskan lagi dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) dan Teori Relevans (TR) berpandukan contoh ayat tersebut:

- a) Beliau bukan saja akan mengambil alih kerusi bapanya di Parlimen tetapi juga mewarisi satu amalan biasa dalam politik Jepun iaitu ***nepotisme***.
- b) “Rakyat di rantau ini tiada lagi bertolak ansur cara lama. Mereka menolak amalan rasuah, ***nepotisme*** dan suku-sakat.”
- c) Diktator, autokrat atau kuku besi, mengamalkan ***nepotisme*** yang mendahulukan keluarga dan sanak saudara, mengutamakan kemewahan diri dan menindas penentangannya adalah antara gelaran diberi kepada kedua-dua pemimpin itu.

Ketiga-tiga contoh ayat di atas diambil daripada data korpus DBP bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai makna nepotisme. Berdasarkan maklumat tambahan yang diberikan sedikit sebanyak memberi petunjuk kepada pembaca mahupun pendengar tentang makna sebenar bagi leksikal nepotisme. Jadi, dengan menggunakan RRS, para pendengar mungkin akan membuat andaian bahawa leksikal ‘nepotisme’ membawa erti perbuatan atau amalan yang mementingkan atau melebihkan sanak-saudara dan kawan-kawan sendiri sahaja (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016).

Analisis Relevans

Berdasarkan andaian yang dibuat semasa RRS ataupun berdasarkan konsep konteks, leksikal ‘nepotisme’ dalam contoh-contoh ayat yang diberikan sebenarnya mempunyai kesan kognitif yang sangat tinggi. Melalui anteseden yang diberikan sama ada pada sebelum ataupun selepas leksikal ‘nepotisme’ sedikit sebanyak dapat memberi gambaran kepada pendengar mahupun pembaca untuk menginterpretasikan makna sebenar leksikal ‘nepotisme’. Maklumat tambahan seperti ‘mendahulukan keluarga dan sanak saudara, mengutamakan kemewahan diri dan menindas penentangannya’ pada contoh ayat (c) telah memberi gambaran yang jelas tentang makna nepotisme dalam konteks ayat tersebut. Maklumat tambahan berkenaan secara tidak langsung menjelaskan bahawa leksikal nepotisme dalam konteks ayat tersebut membawa erti perbuatan seseorang mementingkan atau mengutamakan kawan-kawan ataupun sanak-saudara sendiri sahaja seiring dengan makna perkamusan ‘nepotisme’ itu sendiri.

Selain itu, walaupun tanpa hadirnya maklumat tambahan yang secara terang untuk menunjukkan makna sebenar leksikal nepotisme dalam konteks ayat yang diberikan, pendengar juga mungkin akan boleh menginterpretasikan makna sebenar bagi leksikal ‘nepotisme’. Misalnya, pada contoh ayat (a) dan (b), maklumat tambahan yang diberikan ialah ‘akan mengambil alih kerusi bapanya di Parlimen’, ‘mewarisi satu amalan biasa dalam politik Jepun’, ‘tiada lagi bertolak ansur cara lama’, dan ‘mereka menolak amalan rasuah, nepotisme dan suku-sakat’. Kehadiran keterangan yang diberikan dalam contoh ayat tersebut juga boleh membantu pendengar untuk memahami makna sebenar leksikal ‘nepotisme.’ Oleh hal yang demikian, dengan adanya penginterpretasian pada peringkat bentuk logik bagi contoh ayat tersebut, usaha memproses dapat dijamin dan menjadi lebih rendah. Hal ini seterusnya menghasilkan kesan kognitif yang lebih tinggi dan sempurna berkaitan dengan makna leksikal ‘nepotisme.’

SINONIM LEKSIKAL “NEPOTISME” IALAH “KRONISME”

Sinonim leksikal “nepotisme” ialah “kronisme.” Merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), “kronisme” adalah amalan mengutamakan atau mementingkan teman rapat dlm pelantikan sesuatu jawatan, pemberian sesuatu projek dan sebagainya. Berikut merupakan contoh penggunaan leksikal “kronisme” dalam kalangan penutur di Malaysia yang berpandukan data korpus DBP.

Jadual 2 Contoh ayat bagi leksikal “kronisme”

Bil.	Contoh ayat	Sumber
1.	Untuk itu, seorang pemimpin adil tidak akan mengamalkan dasar ***kronisme***, rasuah atau politik wang, pilih kasih dan penyelewengan lain dalam pemerintahannya. Sebaliknya dia akan berusaha memikirkan masalah rakyatnya, di samping merencana pelan atau strategi untuk menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakatnya. Maslahat negaranya mengatasi kepentingan dirinya dan keluarganya.	Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. <i>Konsep adil menjamin kesejahteraan</i> . Agama, 2002
2.	Tender terbuka juga membolehkan pemilik mendapat sebanyak mungkin kontraktor yang memberikannya lebih pilihan petender dan seterusnya berpotensi mendapatkan tawaran yang terbaik. Kaedah ini juga menggalakkan konsep adil dengan membenarkan lebih banyak penyertaan kontraktor yang layak dalam proses menender. Dengan membenarkan penyertaan yang lebih meluas dalam kalangan kontraktor, akan dapat menghapus ***kronisme*** dan menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti terutamanya dalam projek sektor awam.	Aminah Md Yusof. <i>Kontrak Dalam Sektor Pembinaan</i> . Pentadbiran, 2017
3.	Cabarannya bukanlah memerangkap penjenayah tetapi memastikan wujudnya pengawasan rapi yang mampu menelanjangkan budaya ***kronisme*** atau komplot pengampu terdiri daripada eksekutif, akauntan, penyiasat dan anggota lembaga `bebas' yang bijak menyimpan rahsia penyelewengan masing-masing.	A Ghani Nasir. <i>Bush ancaman sebenar dunia korporat Amerika Syarikat</i> . Rencana, 2002
4.	Katanya, ***kronisme*** akan menjadi negatif jika pemilihan seseorang atau satu pasukan ke dalam satu organisasi itu dibuat hanya berdasarkan kenalan atau hubungan tanpa mengambil kira soal keupayaan melaksanakan tugas atau sumbangan ke arah kecemerlangan organisasi.	Abdul Halim Yusoff. <i>Kronisme patut dilihat dari sudut positif</i> . Ekonomi, 1999
5.	Kontroversi tercetus apabila khalayak mendapati semua karya panel terpilih untuk dijadikan teks. Soal ***kronisme*** dalam sastera yang telah lama diperkatakan timbul semula. Tuduhan demi tuduhan berasas dilemparkan terutama kepada Dr Othman Puteh yang memilih karya anak dan isterinya. Begitu juga dengan Mahaya yang disebut turut memilih karya anaknya. Kritikan hebat juga dilontarkan kepada PPK.	Izani Zakaria. <i>Lima isu gamatkan pentas Sastera dan budaya '99</i> . Sastera dan Budaya, 2000

(Sumber: PDK-DBP, <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/SelectUserCat.aspx>)

Analisis Rangka Rujuk Silang

Analisis diteruskan lagi dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) dan Teori Relevans (TR) berpandukan contoh ayat tersebut:

- a) Untuk itu, seorang pemimpin adil tidak akan mengamalkan dasar *****kronisme*****, rasuah atau politik wang, pilih kasih dan penyelewengan lain dalam pemerintahannya. Sebaliknya dia akan berusaha memikirkan masalah rakyatnya, di samping merencana pelan atau strategi untuk menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakatnya. Maslahat negaranya mengatasi kepentingan dirinya dan keluarganya.
- b) Katanya, *****kronisme***** akan menjadi negatif jika pemilihan seseorang atau satu pasukan ke dalam satu organisasi itu dibuat hanya berdasarkan kenalan atau hubungan tanpa mengambil kira soal keupayaan melaksanakan tugas atau sumbangan ke arah kecemerlangan organisasi.

Berdasarkan dua contoh ayat yang diambil daripada Jadual 2 di atas, maklumat-maklumat tambahan yang disertakan di dalam contoh ayat tersebut sedikit sebanyak memberikan gambaran kepada pembaca mahupun pendengar untuk mendapatkan perkaitan makna leksikal 'kronisme' yang lebih optimum. Jadi dengan adanya RRS, pendengar dan pembaca mungkin dapat membuat andaian bahawa leksikal kronisme membawa suatu erti perbuatan yang tidak baik ataupun negatif di mana leksikal ini bermaksud sesuatu perbuatan yang lebih mementingkan kenalan sendiri dalam pelantikan sesuatu jawatan mahupun organisasi. Dengan adanya TR, pembaca dan pendengar mungkin akan mendapat gambaran yang lebih jelas berkenaan dengan makna harfiah bagi perkataan kronisme tersebut.

Analisis Relevans

Pada peringkat analisis relevans ini, pendengar mahupun pembaca mampu mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai makna perkataan 'kronisme' dengan adanya kesan kognitif yang tinggi pada contoh-contoh ayat yang terdapat di dalam Jadual 2. Hal ini demikian kerana, maklumat-maklumat tambahan yang diberikan pada contoh ayat tersebut secara tidak langsung membantu pendengar untuk memahami makna keseluruhan ayat yang hendak disampaikan. Maklumat-maklumat yang diberikan seterusnya memberi gambaran kepada pembaca bahawa leksikal kronisme ini membawa

makna perbuatan yang mengangkat kenalan sendiri untuk mendapat sesuatu jawatan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana maklumat tambahan seperti masalah negaranya mengatasi kepentingan dirinya dan keluarganya pada contoh ayat (a) menunjukkan bahawa seseorang pemimpin yang adil itu tidak akan sewenang-wenangnya melantik seseorang daripada kenalannya untuk memegang sesuatu jawatan dalam pemerintahan kerana bagi mereka kemaslahatan negara itu lebih penting. Makna “kronisme” ini juga dapat dilihat dengan jelas melalui maklumat tambahan yang diberikan pada contoh ayat (b) iaitu pemilihan seseorang atau satu pasukan ke dalam satu organisasi itu dibuat hanya berdasarkan kenalan atau hubungan. Dalam contoh ayat ini, maklumat tambahan yang diberikan sememangnya menunjukkan gambaran yang sangat jelas kepada pembaca untuk mendapatkan kesan kognitif yang tinggi terhadap makna leksikal ‘kronisme’ tersebut. Hal ini seterusnya membawa kepada usaha memproses makna tersebut hanya mencapai tahap yang minima.

SINONIM BAHARU LEKSIKAL “NEPOTISME” IALAH “KABEL” ATAU “CABLE”

Secara denotatifnya, leksikal kabel bermaksud 1. tali yang tebal dan kuat yang diperbuat daripada sejumlah dawai yang dipintal; 2. berkas dawai bertebat yang digunakan sebagai pembawa mesej telegraf dan sebagainya; 3. sepaksi sejenis kabel untuk menghantar isyarat frekuensi radio (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Berikut merupakan contoh penggunaan leksikal “kabel” dalam kalangan penutur di Malaysia yang berpandukan data korpus DBP.

Jadual 3 Contoh ayat bagi leksikal “kabel” atau “cable”

Bil.	Contoh ayat	Sumber
1.	Sebelum memasang semula palam pencucuh, periksa ***kabel*** bagi memastikan tidak ada bahagian yang terputus. Setiap kabel disambungkan dengan palam pencucuh mesti dipasang dengan kemas bagi memastikan aliran elektrik tidak terjejas.	Rozimi Hashim. Periksa sendiri palam pencucuh. Motor, 1998
2.	KUALA LUMPUR, Isnin Tenaga Nasional Berhad (TNB) hampir setiap hari menerima laporan kes kecurian ***kabel*** dan kepingan tembaga di menara kabel bervoltan tinggi dan stesen pencawang elektrik di seluruh negara.	Rohaniza Idris. Kabel dicuri setiap hari. Nasional, 2000
3.	"Time kini memiliki talian gentian optik tanpa saingan pihak lain, merangkumi lebih 3,600 km sistem sokongan kabel gentian optik percuma dan lebih 1,600 kilometer ***kabel*** optik juraian dasar laut dengan pusat pendaratan di seluruh lingkungan sempadan Semenanjung Malaysia.	Khairul Anuar Abdul Samad. Kandungan, liputan 3G negara makin meluas. Teknologi Maklumat dan Komunikasi, 2006
4.	Pix:- M Ravichandran dicari. Pix:- S Selvakumar dicari. Pix:- S Sivasegaran dicari. SHAH ALAM:Polis sedang memburu sekumpulan lelaki yang dipercayai terbabit dalam kira-kira 19 kes jenayah di negeri ini, termasuk kes terbaru merompak stesen pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB), Bukit Sentosa, Rawang dan melarikan ***kabel*** bernilai kira-kira RM700,000, minggu lalu.	Industri minyak Asia cerah. Ekonomi, 1998
5.	Namun, Richard masih tidak melupakan keinginan sebenarnya dalam perniagaan iaitu teknologi perhubungan dan dia menubuhkan Pacific Convergence Corp (PCC) bagi menguasai laluan ke Internet di Asia melalui satelit dan teknologi ***kabel***.	Rozimi Hashim. Li pernah jadi buruh. Global, 1999

(Sumber: PDK-DBP, <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/Selec tUserCat.aspx>)

Analisis Rangka Rujuk Silang

Analisis diteruskan lagi dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) dan Teori Relevans (TR) berpandukan contoh ayat tersebut:

- a) Sebelum memasang semula palam pencucuh, periksa *****kabel***** bagi memastikan tidak ada bahagian yang terputus. Setiap *****kabel***** disambungkan dengan palam pencucuh mesti dipasang dengan kemas bagi memastikan aliran elektrik tidak terjejas.
- b) Namun, Richard masih tidak melupakan keinginan sebenarnya dalam perniagaan iaitu teknologi perhubungan dan dia menubuhkan Pacific Convergence Corp (PCC) bagi menguasai laluan ke Internet di Asia melalui satelit dan teknologi *****kabel*****.

Contoh-contoh ayat di atas mengandungi beberapa maklumat rujukan yang membolehkan pendengar mahu pun pembaca menginterpretasikan makna sebenar leksikal 'kabel.' Dengan pengetahuan dan pengalaman pendengar yang sedia ada, pendengar tersebut mungkin mampu untuk mendapatkan tahap relevan yang maksimum dalam memahami makna sebenar yang dihajati. Dengan adanya RRS, pendengar mungkin dapat membuat andaian bahawa kabel merupakan sejenis tali yang tebal yang diperbuat daripada dawai-dawai yang berpintal-pintal.

Analisis Relevans

Melalui RRS, contoh ayat yang diberikan pada ayat (a) dan (b) sangat memberikan kesan kognitif yang sangat tinggi. Hal ini demikian kerana, maklumat rujukan yang ada pada ayat (a) iaitu disambungkan dengan “palam pencucuh mesti dipasang dengan kemas bagi memastikan aliran elektrik tidak terjejas” misalnya telah memberikan gambaran yang jelas kepada pembaca berkenaan dengan makna tersurat leksikal kabel tersebut. Maklumat tambahan ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pembaca untuk menginterpretasikan makna kabel dalam konteks ayat tersebut. Berdasarkan maklumat tambahan pada ayat (a) ini, pendengar boleh memahami bahawa leksikal kabel ini membawa satu makna sejenis wayar atau penyambung yang boleh membantu sebagai bahan penerima dan pengantar sesuatu isyarat, mesej, frekuensi radio, telegraf dan sebagainya. Selain daripada itu, makna sebenar bagi leksikal kabel juga dapat diinterpretasikan oleh pembaca ataupun pendengar sebagai satu kata yang membawa erti sepaksi sejenis kabel untuk menghantar isyarat frekuensi radio. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pada ayat (b), maklumat rujukan yang diberikan ialah “teknologi perhubungan” dan “menguasai laluan ke Internet di Asia melalui satelit dan teknologi kabel” di mana maklumat rujukan ini secara tidak langsung telah memberi gambaran

kepada pembaca bahasa makna kabel dalam ayat tersebut ialah sesuatu yang dapat berfungsi sebagai pengantar frekuensi ataupun mesej dan sangat berguna dalam teknologi perhubungan tersebut. Jadi, dengan adanya maklumat rujukan yang diberikan maka usaha memproses menjadi lebih rendah dan secara tidak langsung kesan kognitif juga meningkat.

PERLUASAN MAKNA “KABEL” ATAU “CABLE” BERSINONIM DENGAN “NEPOTISME”

Berdasarkan data-data yang diberikan pada Jadual 3, leksikal ‘kabel’ ataupun ‘cable’ membawa makna perkamusan tali yang tebal dan kuat yang diperbuat daripada sejumlah dawai yang dipintal; berkas dawai bertebat yang digunakan sebagai pembawa mesej telegraf dan sebagainya; sepaksi sejenis kabel untuk menghantar isyarat frekuensi radio (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016).

Walau bagaimanapun, setelah mengharungi arus pemodenan terutamanya dalam bidang linguistik, makna bagi leksikal ‘kabel’ atau ‘cable’ ini telah mengalami proses perluasan makna di mana leksikal tersebut telah membawa erti yang bersinonim dengan leksikal ‘nepotisme.’ Hal ini dikatakan demikian kerana, pada masa ini, perkataan ‘kabel’ banyak digunakan oleh masyarakat tempatan sebagai satu perbuatan atau amalan yang mementingkan atau melebihkan sanak-saudara dan kawan-kawan sendiri sahaja. Selain itu, secara ringkasnya, leksikal ‘kabel’ juga dapat diertikan sebagai istilah ‘orang dalam’ untuk mendapatkan sesuatu misalnya dalam dunia pekerjaan. Makna ‘kabel’ ini boleh difahamkan dengan lebih jelas lagi dengan merujuk kepada beberapa contoh ayat berikut:

Contoh ayat:

So, saya bagi cadangan kepada seorang cikgu ni saya kata solat hajatlah 100 rakaat

sebab ada ***cable*** yg lagi besar iaitu ***cable*** dengan Allah ... dan cikgu ni
buat ... hujung tahun lepas dia dapat tukar alhamdulillahhhhhh ...

Soal ***cable*** ni bagi saya boleh je kita gunakan jika ianya kena caranya dan
dalam keadaan tertentu. Sebab ***cable*** itu sendiri Allah yang bagi kat kita.

Tetapi bila kita guna ***cable*** kita itu untuk mengetepikan hak orang lain maka
disitu berlaku pelanggaran hak, Berlaku rampasan hak.

Bagi yang rasa tertindas disebabkan tiada ***cable*** pula sentiasalah ingat ada
cable yang lebih besar iaitu Allah yang maha kuasa. Teruskanlah berdoa
dengan yakin bahawa setiap sesuatu yg Allah buat tu pasti ada hikmah dibalikinya.

Sumber: Shamri (2018)

Contoh ayat:

Sudah-sudahlah guna ***kabel*** untuk dapat kerja samada kerajaan atau swasta. Semua yang terlibat bersalah dalam hal ini; calon yang apply, orang dalam tukang recommend, penemuduga sehinggalah pada mak bapak atau saudara yang galakkan guna orang dalam.

Jika sesuatu syarikat atau jabatan mahu lantik anak beranak ubahlah 'requirement' di dalam iklan mencari kerja kepada "Hanya saudara mara syarikat/jabatan ini sahaja yang layak memohon". Kesian calon-calon lain isi borang, datang temuduga dan menaruh harapan tapi sia-sia sahaja sebab jawatan hanya untuk anak beranak kaum kerabat. Anda menutup rezeki orang lain.

Sumber: Hafiz (2019)

Analisis Rangka Rujuk Silang

Berdasarkan contoh ayat yang dipetik daripada Shamri (2018) dan Hafiz (2019), maklumat rujukan yang diberikan didalam kedua-dua ayat tersebut sedikit sebanyak dapat membantu pembaca mahupun pendengar untuk menginterpretasikan makna sebenar yang dihajati di dalam konteks ayat berkenaan. Berdasarkan ayat tersebut, dengan adanya pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada pada diri pembaca mahupun pendengar, mereka mungkin dapat mengandaikan bahawa leksikal 'kabel' ini sebagai 'orang pengantara', 'penghubung' ataupun 'orang dalam.'

Analisis Relevans

Seterusnya melalui analisis relevans dan maklumat tambahan yang ada pada RRS, pembaca akan mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai makna sebenar leksikal 'kabel' ataupun 'cable' dalam ayat-ayat tersebut. Hal ini seterusnya juga akan memberi kesan kognitif yang tinggi. Hal ini dikatakan sedemikian kerana berdasarkan ayat yang dipetik daripada Shamri (2018), maklumat rujukan seperti 'solat hajatlah 100 rakaat', 'dengan Allah', 'mengetepikan hak orang lain maka disitu berlaku pelanggaran hak' dan 'yang lebih besar iaitu Allah yang maha kuasa' sedikit sebanyak memberi petunjuk kepada pembaca mengenai makna leksikal 'cable' dalam petikan tersebut. Berdasarkan maklumat rujukan itu, pembaca mampu memahami makna cable dalam ayat tersebut di mana penulis tersebut mengadaptasikan leksikal 'cable' sebagai satu perbuatan yang boleh membantu seseorang itu untuk mendapatkan sesuatu.

Dengan erti kata lain, dalam contoh ayat daripada Shamri (2018), 'cable' membawa makna penghubung ataupun pembantu manusia untuk mendapatkan sesuatu dan di dalam konteks ayat tersebut, perbuatan solat dan berdoa adalah salah satu cara kita untuk meminta bantuan daripada yang Allah. Selain daripada itu, 'kabel' juga boleh difahamkan sebagai 'orang dalam' ataupun satu

makna yang sangat bersinonim dengan leksikal ‘nepotisme.’ Hal ini demikian kerana, maklumat rujukan yang diperoleh daripada petikan oleh Hafiz (2019), iaitu *untuk dapat kerja sama ada kerajaan atau swasta, galakkan guna orang dalam, hanya saudara mara syarikat/jabatan ini sahaja yang layak memohon, dan sebab jawatan hanya untuk anak beranak kaum kerabat* sangat memberi gambaran yang jelas kepada pembaca mengenai makna sebenar yang dihayati dalam ayat tersebut. Maklumat rujukan tersebut menunjukkan bahawa ‘kabel’ dalam ayat tersebut sebagai satu perbuatan seseorang itu menggunakan orang dalam untuk mendapatkan sesuatu dan perbuatan seseorang yang lebih mementingkan kaum kerabat atau kawan dalam sesuatu perantaraan jawatan, pekerjaan dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, maklumat rujukan ini seterusnya memberi kesan kognitif yang tinggi kepada pembaca kerana usaha memproses adalah pada tahap yang rendah.


RUMUSAN

Kesimpulannya, pemaknaan semula bagi sinonim leksikal “nepotism” dapat disusurgalurkan seperti Rajah 1. Rajah 1 menunjukkan bahawa leksikal “nepotisme” pada mulanya hanya bersinonim dengan leksikal “kronisme”. Tetapi, berdasarkan penerokaan data korpus khususnya media sosial seperti *Facebook*, pengkaji mendapati bahawa terdapat sinonim tambahan bagi kedua-dua leksikal ini, iaitu “cable” atau “kabel.” Leksikal “cable” atau “kabel” pada denotasinya hanyalah merujuk kepada tali yang tebal dan kuat yang diperbuat daripada sejumlah dawai yang dipintal; berkas dawai bertebat yang digunakan sebagai pembawa mesej telegraf dan sebagainya; sepaksi sejenis kabel untuk menghantar isyarat frekuensi radio (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016).

Berdasarkan data korpus di Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka ini, leksikal “kabel” dapat juga merujuk kepada sesuatu yang berharga/bernilai. Menurut Nge (2018), harga kabel bajet yang berkualiti (*pure copper*, buatan Malaysia) adalah 1.5 mm- RM 29.00 2.5 mm- RM 40.00. Oleh sebab itulah, terdapat banyak kes kecurian kabel. Selain itu, setiap kabel perlulah dipasang dengan seeloknya supaya aliran elektrik tidak terputus/terganggu. Perkara ini dapat dikonsepsikan sebagai seseorang yang mempunyai “kabel” sangat bertuah kerana memiliki sesuatu yang “mahal/bernilai” dalam kehidupan mereka sehingga mampu mencuri atau merampas peluang orang lain yang turut layak menjawat jawatan tersebut. Golongan ini kebiasaannya hanya memiliki kelayakan minimum sahaja. Tetapi, mampu menjawat sesuatu jawatan kosong itu kerana terdapat “orang dalam” atau “sambungan” bagi memudahkan urusan mereka mendapat pekerjaan.

Oleh sebab, kajian ini bersandarkan teori yang berwibawa iaitu Rangka Rujuk Silang oleh Kempson (1986) dan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986; 1995). Leksikal ini dapat membina *ad hoc* perluasan kerana ia merupakan bentuk kiasan dalam ujaran penutur. Berdasarkan teori yang diaplikasikan pendengar mahupun pembaca berupaya menciptakan andaian implikatur dan kesimpulan implikatur sehingga dapat menyingkap makna sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur atau pembaca.

Oleh itu, rumusan perluasan makna bagi leksikal “kabel” ini dapat dirumuskan sebagai:



Rajah 1 Pemaknaan semula sinonim “nepotisme” berteraskan data korpus

Kata:	Kabel/Cable
Sumber:	Laman sosial <i>Facebook</i> (komen dan status)
Makna:	Perbuatan atau amalan yang mementingkan atau melebihkan sanak-saudara dan kawan-kawan sendiri sahaja dan amalan mengutamakan atau mementingkan teman rapat dalam pelantikan sesuatu jawatan, pemberian sesuatu projek dan sebagainya.
Rentang kata:	Mengetepikan hak orang lain, pelanggaran/rampasan hak, hanya saudara mara syarikat/jabatan ini sahaja yang layak memohon
Konotasi:	Nagetif
Bahasa:	Slanga
Laras:	Pekerjaan
Sinonim:	Nepotisme; Kronisme

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji dapat mevariasikan pemaknaan sesuatu leksikal berdasarkan konteks semasa di Malaysia. Jika sebelum ini, leksikal “kabel” atau “cable” banyak disentuh dalam bidang Kejuruteraan Elektronik sahaja. Tetapi, dengan mengambil kira data primer di media sosial seperti *Facebook*, leksikal ini telah mengalami perluasan maknanya sehingga mampu diasosiasikan dengan bidang lain seperti ekonomi, politik ataupun korporat. Perkara ini dikuatkan lagi dengan pandangan Jamaludin (2016), “Kemajuan dalam bidang teknologi pengkomputeran telah memberi sumbangan besar dalam bidang leksikografi. Bermula daripada pengumpulan dan penyimpanan data, pendrafan takrifan kata, penyediaan kata entri, pelemahan, pengisihan, pengabjadan sehinggalah terhasilnya kamus, hampir keseluruhan proses penyusunan kamus melibatkan penggunaan komputer. Peranan kamus yang paling penting adalah dalam menyediakan makna dan dengan berbantuan data korpus berkomputer aspek pemaknaan telah mengalami revolusi yang besar” (hlm., 107). Dengan adanya kajian sebegini, pengkaji-pengkaji akan datang mampu menjadikan penulisan ini sebagai rujukan mereka. Hal ini perlulah disambut baik oleh pengkaji akan datang kerana akan ada lebih banyak lagi leksikal yang boleh diperluaskan atau disempitkan variasi maknanya. Itu semua dapat dilihat dari semasa ke semasa, bergantung pada kemahiran kognitif penuturnya dalam menciptakan pemaknaan semula sesuatu leksikal tersebut.

RUJUKAN

- Abdullah, H. 2006. *Morfologi*. Kuala Lumpur: Akademia.
- Azmi, S. N., Hassan, H., Fakhrudin, W. F. W. W., & Nasir, Z. M. 2019. Pemaknaan Naratif Pengalaman dalam Cerpen Melayu. *LSP International Journal*. 6(2): 61-77.
- Berelson, B., & Steiner, G. A. 1964. *Human Behavior: An Inventory of Scientific Findings*. New York: Harcourt, Brace & World.
- Daud, M. Z. 2018a. Domain Rezeki dalam Peribahasa Melayu Berorientasikan Aves Melalui Perspektif Semantik Inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*. 3(1): 19-28.
- Daud, M. Z. 2018b. Gallus Gallus Domesticus dan Paradoxurus Hermaphroditus dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Sains Humanika*. 10(2): 41-51.
- Daud, M. Z. 2018c. Pengaplikasian Kerangka Semantik Inkuisitif Melalui Slanga. *MALTESAS MultiDisciplinary Research Journal (MIRJO)*. 3(3): 43-52.
- Daud, M. Z. 2020. *Unggas dalam Peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. 2019a. Ayam (Gallus Gallus Domesticus) dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*. 17(1): 36-42.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. 2019b. “Sudah Tidak Tersudu oleh Angsa, Baru diberikan kepada Itik”: Perspektif Semantik Inkuisitif dan Akal Budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*. 2(1): 37-62.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. 2019c. *Elemen Perlambangan Unggas dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Poster Session Presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

- Daud, M. Z., & Subet, M. F. 2019d. Slanga dan Simbol Tumbuhan dalam Komunikasi Lisan Masyarakat Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*. 30(1): 108-136.
- Grady, W. O. 2000. *Contemporary Linguistic Analysis*. Boston, MA: Addison-Wesley Longman.
- Hafiz, C. C. 2019, August 25. Kabel [Facebook page]. Retrieved from <https://ms-my.facebook.com/cutecarry.cc/posts/sudah-sudahlah-guna-kabel-untuk-dapat-kerja-samada-kerajaan-atau-swastasemua-yan/2445289325529209/>.
- Halliday, M. A. 1994. *An Introduction to Functional Grammar*. London: Edward Arnold.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2017. *Bahasa Rasmi*. Retrieved from <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30118?language=my>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2019. *Demografi Malaysia*. Retrieved from http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010-updated-2972011&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&lang=bm.
- Jalaluddin, N. H. 2003. *Bahasa Dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamalaudin, N. 2016. Pendekatan Cobuild dalam Pemaknaan Kata Nama. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*. 7: 107-122.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. S., On, F. M., Musa, H. H., & Mahmood, A. H. 2004. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lues, E., Ludigdo, U., & Ari, K. 2018. Keragaman Pemaknaan Murabahah. *EKUITAS (Jurnal Ekonomi dan Keuangan)*. 16(4): 433-456.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. 2019a. Kajian Semantik Inkuisitif dalam Peribahasa Tamil: Imej Tumbuhan. *Sains Humanika*. 11(1): 73-80.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. 2019b. Cerminan Pemakanan Sihat dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)*. 3(2): 117-129.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. 2019c. Peribahasa Tamil Berimej Lada Hitam Sebagai Tradisi Lisan: Analisis Semantik Inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*. 7(2): 70-88.
- Nge, E. S. G. 2018, June 30. Tercari-cari Kabel Bajet Yang Berkualiti [Facebook page]. Retrieved from <https://ms-my.facebook.com/ngeesb0133915014/posts/tercari-cari-kabel-bajet-yang-berkualiti-pure-copper-made-in-malaysiaasia-cable-/2158399144176130/>.
- Rahman, N. E. A., & Nasir, M. S. 2014. Faktor Kewujudan Sinonim dalam Bahasa Melayu dan Arab: Satu Analisis Perbandingan. *Jurnal Melayu*. 12(1): 51-69.
- Ritos, S., & Daud, M. Z. 2020. Strategi Penggantian Disfemisme kepada Eufemisme dalam Komunikasi Lisan Masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*. 3(1): 64-83.

- Saad, N., Jalaluddin, N., & Ahmad, Z. 2015. Penelitian Semula Makna Imbuhan meN-: Kajian Eksplisit Vs Implisit. *Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015)*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh, S. F., Yahya, Y., Subet, M. F., & Daud, M. Z. 2020. Analisis Semantik Leksikal dalam Novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*. 3(1): 45-63.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020). Perwatakan dalam Novel Komsas “Di Sebalik Dinara”: Analisis Teori Relevan. *Asian People Journal (APJ)*. 3(1): 84-100.
- Seruddin, E. Z. H. M. 2018. Analisis Rangka Rujuk Silang dalam Pantang Larang Suku Kedayan di Brunei: Fokus kepada Aspek Kehamilan dan Bersalin. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 6(2): 17-27.
- Shamri, R. 2018, December 17. Cable [Facebook page]. Retrieved from <https://ms-my.facebook.com/rajashamri/posts/10161148071405134>.
- Sholihah, N. M. A. 2019. Pemaknaan Hadis Perempuan Mayoritas Penghuni Neraka Perspektif Fatimah Mernissi: Pemahaman Hadis Shahih Bukhari No 3241 dengan Teori Double Investigation. Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1995. *Postface Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D., & Wilson, D. 1986. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. 2016. “Giler” atau “Gile”: Slanga Kata Penguat. *Jurnal Bahasa*. 16(2): 293-306. Doi:10.31219/osf.io/jym6a.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. 2017. *Semantik dan Makna Konotasi dalam Slanga Pelacur*. Kertas Kerja Ini Dibentangkan Semasa The International Conference on Language Studies 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel), Malaysia.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. 2018. Makna Denotatif dan Konotatif dalam Slanga Pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*. 3(1): 29-49.
- Subet, M. F., & Nasir, M. R. M. 2019. Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 16(2): 227-253.
- Tarigan, H. G. 2009. *Pengajaran Semantik*. Bandung: Angkasa.
- Utami, R. 2010. Kajian Sinonim Nomina dalam Bahasa Indonesia. Tesis Doktor Falsafah. Sebelas Maret University.
- Zulfadinamis, N., & Salleh, C. I. 2015. Konsep Sinonim dalam Teks Terjemahan Novel “The Pearl” ke dalam Bahasa Melayu oleh Abdullah Hussain. *Journal of Business and Social Development*. 3(2): 80-95.